

Headline KnowledgeGRID pertingkat daya saing  
Date 06. Mar 2008 Language MALAY  
Media Title Berita Harian Page No 32  
Section Ekonomi Article Size 187 cm2  
Circulation 217920 Frequency Daily  
Readership 2083000 Color Full Color



# KnowledgeGRID pertingkat daya saing

**K**NOWLEDGEGRID Malaysia yang diterajui Mimos Bhd akan menjadi prasarana pengetahuan berikutnya bagi Malaysia yang akan meningkatkan daya saing negara ini dalam kemajuan teknologi pada peringkat serantau dan global.

KnowledgeGRID adalah satu sistem yang mana sumber pengkomputeran dikongsi oleh pelbagai rangkaian dan ia membolehkan sumber maklumat dipilih, dikumpul dan dikongsi dalam pelbagai domain pentadbiran dan kawasan geografi.

Grid itu akan menyediakan keupayaan data dan sumber pengkomputeran bagi pemodelan cuaca, simulasi gempa bumi serta penyelidikan

pelipatan protein, DNA (Asid Deoksiribonukleik) dan penghasilan ubat-ubatan di negara ini.

ia mempercepatkan kemajuan Malaysia dalam bioteknologi, peramalan bencana alam dan inisiatif kandungan animasi pada kos yang ketara lebih rendah.

Pengurus Kanan Makmal Pengkomputeran Grid Mimos Bhd, Ng Kwang Ming, berkata KnowledgeGRID Malaysia pada dasarnya adalah K-Prasarana Malaysia, mengandungi perkakasan, perisian dan perkhidmatan yang memberikan kuasa, perkhidmatan dan data pengkomputeran yang belum pernah wujud sebelumnya, kepada rakyat biasa.

Beliau berkata KnowledgeGRID

Malaysia bakal menjadi platform kerjasama pengetahuan yang menawarkan kuasa pengkomputeran yang hebat kepada semua pihak termasuk institusi akademik, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), kerajaan dan sektor swasta.

"KnowledgeGRID Malaysia adalah inisiatif Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi Ogos lalu," katanya kepada *Bernama* dalam satu temu bual di Kuala Lumpur.

"KnowledgeGRID Malaysia adalah pemangkin bagi sebuah negara berlandaskan ilmu dan memainkan peranan penting dalam memastikan

Malaysia melonjak maju bagi menyertai evolusi ICT seterusnya," jelasnya.

Ng berkata, Mimos memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Oracle Corporation Malaysia Sdn Bhd baru-baru ini untuk bersama memaju dan menggerakkan projek perintis grid pengesanan bagi sektor pertanian di bawah KnowledgeGRID Malaysia.

Beliau berkata, projek itu akan meningkatkan lagi tahap kemajuan pertanian sejajar dengan visi RMK-9.

Selain pertanian, kata Ng, Mimos juga mengadakan kerjasama dengan peserta industri animasi untuk melaksanakan proses penghasilan gambar.